

RINGKAS

Dr Ruzairi dilantik Naib Canselor UTHM

Batu Pahat: Prof Dr Ruzairi Abdul Rahim dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) berkuat kuasa semalam.

Dalam satu kenyataan di sini, Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat UTHM memaklumkan pelantikan yang dibuat Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad itu adalah untuk tempoh tiga tahun hingga 8 Mei 2025.

Pelantikan Ruzairi, 55, itu bagi mengisi jawatan Naib Canselor UTHM yang sebelum ini disandang oleh Prof Datuk Dr Wahid Razzaly yang telah tamat tempoh lantikannya.

"UTHM berharap dengan pengalaman luas yang ada pada Prof Ruzairi mampu melonjakkan universiti ini sebagai Global Technopreneur University menjelang 2030," menurut kenyataan UTHM.

HARIAN METRO 16-5-22